

01 DEC 1997

MINYAK MASAK AKAN JADI BARANG KAWALAN JIKA HARGA NAIK

KUALA LUMPUR, Dis 1 (Bernama) -- Kerajaan mungkin menjadikan minyak masak sebagai barangan kawalan harga jika terdapat kenaikan harga barangan tersebut, kata Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk S Subramaniam.

"Kita ada pilihan untuk menjadikan minyak masak barangan terkawal," kata beliau.

Setakat ini kementerian tidak menerima laporan rasmi mengenai kenaikan harga minyak masak and harganya belum disenaraikan sebagai barangan terkawal, kata beliau kepada para pemberita selepas melancarkan syarikat perunding hartanah, Dass Mohamad Chartwell Brooke Hillier Parker Sdn Bhd di sini hari ini.

Kerajaan tidak membenarkan kenaikan harga minyak masak dan akan memastikan industri tersebut akan terus menyerap kenaikan kos, kata beliau.

Beliau yang diminta mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai masalah kenaikan harga barangan berkata perkara itu akan dibincangkan pada mesyuarat mingguan Kabinet hari Rabu ini.

Menurut Subramaniam berkata hanya lima peratus minyak masak digunakan di negara ini daripada jumlah pengeluarannya.

Teguran Perdana Menteri ialah sebenarnya kos tidak naik, tapi kenaikan itu diminta disebabkan penurunan nilai matawang ringgit kerana para pengeluar minyak masak membeli bekalan bahan mentah dalam matawang dolar Amerika Syarikat, walaupun bahan mentah itu dikeluarkan di Malaysia sendiri dan bukannya diimport, kata Subramaniam.

Menurutnya, kementerian beliau dan juga Kementerian Perusahaan Utama sedang memerhatikan keadaan dan akan mengadakan perbincangan.

Beliau seterusnya berkata, harga barangan yang dikawal tidak naik, tetapi jika ada permintaan, ia terpaksa dipertimbangkan.

"Kalau boleh kita tidak mahu naikkan harga, tetapi jika kesannya adalah bekalan berkurangan, maka kita terpaksa naikkan harga supaya pengguna mendapat bekalan," kata beliau.

Hingga sekarang tidak ada kekurangan bekalan barangan pengguna yang mustahak, jelas beliau.

Beliau menasihati pengguna jangan panik dengan membeli berlebihan daripada yang sepatutnya kerana tekanan permintaan haruslah sederhana setiap masa untuk menstabilkan harga. -- BERNAMA

MSL OS